



## **KENYATAAN MEDIA**

### **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

#### **PERUNTUKAN PEMBANGUNAN RM95 BILION DALAM BAJET 2023 MENYOKONG OBJEKTIF RMKE-12 KE ARAH MENCAPAI KELUARGA MALAYSIA MAKMUR, INKLUSIF DAN MAMPAN**

1. Kerajaan memperuntukkan perbelanjaan pembangunan (DE) sebanyak RM95 bilion dalam Bajet 2023 yang akan menyokong pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 - 2025 (RMKe-12) bagi mencapai objektif Keluarga Malaysia makmur, inklusif dan mampan.
  
2. Peruntukan ini adalah yang tertinggi dalam sejarah, meningkat RM19.4 bilion atau 25.7% daripada RM75.6 bilion pada tahun 2022. Sebanyak 7,615 projek pembangunan akan dilaksanakan pada tahun 2023 merangkumi 1,724 projek baharu dan 5,891 projek sambungan. Antara contoh-contoh projek pembangunan baharu yang telah diluluskan dalam Bajet 2023 termasuklah:
  - a. Penambahbaikan kemudahan infrastruktur di luar bandar;
  - b. Lebuh Raya Pan Borneo Sabah Fasa 1B, Sabah;
  - c. Sarawak Sabah Link Road Fasa 2, Sabah dan Sarawak;
  - d. Menaik Taraf Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) Senai Utara-Pandan (Johor Bahru) Kepada Enam (6) Lorong;
  - e. Rancangan tebatan banjir di seluruh negara;
  - f. Pembinaan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) dan Kwarters di Kelantan dan Perak;
  - g. Pembinaan Hospital Maran, Pahang;

- h. Pemuliharaan Muara Sungai Merang, Setiu, Terengganu;
  - i. Program Perumahan Rakyat (PPR) Arau, Perlis; dan
  - j. Dana Pemacu Pelaburan Langsung Asing.
3. Aset-aset Kerajaan perlu disenggara secara berkala dengan baik bagi memastikan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan sentiasa dalam keadaan baik untuk meningkatkan kualiti penyampaian. Sehubungan dengan itu, Bajet 2023 telah memberi keutamaan yang tinggi kepada penyelenggaraan aset di semua kementerian. Antara peruntukan untuk projek menaik taraf dan penyelenggaraan aset Kerajaan termasuklah:
- a. Jalan negeri (MARRIS);
  - b. Jalan persekutuan;
  - c. Sekolah-sekolah serta institusi pendidikan lain;
  - d. Aset Angkatan Tentera Malaysia (ATM);
  - e. Aset Polis Diraja Malaysia (PDRM);
  - f. Kemudahan perkhidmatan kesihatan;
  - g. Kapal dan bot Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM);
  - h. Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT);
  - i. Kwarters Kementerian Pendidikan; dan
  - j. Kwarters kediaman PDRM.
4. Bagi mengurangkan jurang pembangunan wilayah, Kerajaan telah memperuntukkan 50.3% DE Asas kepada enam negeri yang kurang membangun bagi melaksanakan projek termasuk infrastruktur air, elektrik, jalan raya, kesihatan dan kemudahan pendidikan. Sebanyak RM6.3 bilion diperuntukkan kepada Sabah dan RM5.4 bilion kepada Sarawak, iaitu lebih tinggi berbanding dengan peruntukan pada tahun 2022.

5. Sejumlah RM1 bilion telah disediakan khusus bagi merencanakan Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) bagi tahun 2023, iaitu RM750 juta daripada peruntukan DE dan RM250 juta daripada sumbangan oleh GLC di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR). Peruntukan DE untuk BMTKM meningkat 5 kali ganda berbanding RM150 juta pada tahun 2022.
6. Sasaran isi rumah miskin tegar yang akan manfaat daripada BMTKM juga akan meningkat daripada 10 ribu pada tahun ini kepada lebih 50 ribu pada tahun 2023. Ini adalah sejajar dengan komitmen Kerajaan untuk membasmi kemiskinan tegar dalam kalangan Keluarga Malaysia pada akhir tahun 2025 seperti yang telah ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12).
7. Selaras dengan pendekatan keseluruhan negara atau *whole-of-nation approach* yang menjadi nadi kepada pelaksanaan BMTKM, Kerajaan akan terus memanfaatkan peranan bersama yang dimainkan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC), pertubuhan masyarakat sivil (CSO) dan organisasi berasaskan komuniti (CBO) dalam usaha membangunkan sosioekonomi negara.
8. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU,JPM) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU,JPM) akan memantapkan lagi penyelarasan dan pelaksanaan BMTKM bagi memastikan meningkatkan taraf hidup isi rumah miskin tegar dan seterusnya keluar daripada kumpulan kemiskinan tegar pada akhir tahun 2025.
9. Pelaksanaan projek pembangunan mengikut jadual amat penting bagi memenuhi aspirasi Keluarga Malaysia menikmati taraf sosioekonomi yang lebih baik. Saya dan YBhg. Tan Sri Ketua

Setiausaha Negara akan mempengerusikan Mesyuarat Pemudah Cara Pelaksanaan Projek Pembangunan Negara dengan kesemua kementerian pada 13 Oktober 2022 bagi memastikan semua kementerian bersedia dengan pelan pelaksanaan masing-masing dan semua isu dapat diselesaikan segera.

10. Kerajaan sentiasa mengutamakan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas yang lebih baik kepada rakyat. Pelaksanaan projek pembangunan juga akan merencanakan lagi aktiviti ekonomi di peringkat akar umbi untuk menyokong pemulihan ekonomi negara. Penyediaan infrastruktur dan kemudahan untuk rakyat melalui pelaksanaan projek pembangunan juga penting bagi meningkatkan kesejahteraan Keluarga Malaysia selaras dengan objektif RMKe-12 ke aras Keluarga Malaysia makmur, inklusif dan mampan.

**DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED**  
**KOTA BHARU, KELANTAN**  
**9 OKTOBER 2022**